

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah mekanisme bagi menangani lambakan produk makanan kesihatan yang tidak memenuhi spesifikasi kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di pasaran kerana mengandungi bahan yang mampu memudaratkan kesihatan dan boleh menyebabkan kematian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) sentiasa memantau produk-produk makanan termasuk produk makanan kesihatan yang dijual di pasaran atau secara atas talian. Pemantauan ini bagi mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas produk makanan kesihatan yang didapati tidak mematuhi perundangan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 termasuk produk yang dikesan mengandungi racun berjadual seperti sildenafil, tadalafil, dexamethasone dan prednisolone.
2. Hasil pemantauan yang dijalankan sepanjang tahun 2019 sehingga Ogos 2020, didapati sebanyak 21 (2.5%) sampel termasuk produk makanan kesihatan daripada sejumlah 849 sampel yang dianalisis didapati mengandungi racun berjadual yang dilarang penambahannya dalam makanan.
3. Di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983, menyatakan mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada

dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan termasuk bahan terlarang adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

4. Peraturan 18(6), Peraturan-Peraturan Makanan 1985, turut memperuntukkan label makanan tidak boleh menyatakan akuan pencegahan, pengurangan, perawatan atau penyembuhan penyakit dan akuan yang tidak dapat disahkan. Mereka yang didapati mengiklankan produk makanan bagi tujuan jualan dengan menyatakan akuan yang tidak dapat disahkan untuk memperdaya pembeli boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 17, Akta Makanan 1983.

5. BKKM juga sentiasa berkerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain yang turut menguatkuasakan perundangan berkaitan dengan penjualan produk makanan kesihatan di pasaran dan juga secara atas talian. Sehingga kini agensi yang turut bekerjasama dalam menjalankan pemantauan ke atas produk makanan kesihatan adalah seperti Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang bertanggungjawab untuk menyekat laman web yang didapati menjual produk makanan kesihatan yang tidak mematuhi perundangan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

6. Ini adalah termasuk iklan dan label produk makanan yang mempunyai akuan kesihatan yang tidak dibenarkan. Dalam hal ini, sepanjang tahun 2018 sehingga September 2020 sebanyak 73 amaran dan 151 tindakan sekatan laman web telah diambil ke atas iklan yang tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Sekian, terima kasih.